

15/10/1997

Kerja mencabut pokok mati diteruskan

KUALA TERENGGANU, Selasa - Kerja mencabut pokok mati di dalam kawasan Tasik Kenyir akan diteruskan hingga kontraktor terbabit menyelesaikan tugas itu sepenuhnya.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkata Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) sudah memperuntukkan kawasan baru kepada Bridgecon Engineering Sdn Bhd (Bridgecon Engineering), bagi kerja fasa kedua setelah fasa pertama disiapkan kontraktor berkenaan.

"Kerja mencabut pokok balak mati masih belum selesai," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Tabung Kecermelangan Pendidikan dan Balai Raya Kampung Alor Limbat, dekat Bukit Payong, Marang, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas teguran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kemaman, baru-baru ini yang menyifatkan kerja mencabut pokok itu mengambil masa terlalu lama sehingga enam tahun disebabkan rakyat Malaysia terlalu bergantung kepada teknologi asing dan enggan mengambil inisiatif untuk menciptanya.

Sebelum ini, Ketengah dikatakan akan membelanjakan RM181.4 juta untuk melaksanakan kerja itu dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7).

Bridgecon Engineering sudah menyiapkan kerja membersihkan balak dalam air seluas lebih 1,600 hektar yang diperuntukkan kepada syarikat itu.

Kawasan baru yang diperuntukkan kepadanya ialah di sekitar kawasan Pulau Gawi hingga ke Pulau Bayas. Bridgecon Engineering melaksana kerja membersihkan balak mengikut kaedah mencabut sejak 1994 sebagaimana diputuskan Kabinet.

Pelaksanaan projek fasa pertama bernilai RM5.29 juta membabitkan kawasan di Pulau Shah Besar, Pulau Bayas, Serindit, Pulau Gawi dan Pulau Semas.

Bridgecon Engineering berpengalaman melaksanakan melaksanakan projek yang sama di Tasik Pedu, Kedah.

Pokok yang ada di dalam Tasik Kenyir melebihi paras 130 meter akan dicabut dan ia berbeza dengan kegiatan pembalakan dalam air.

Wan Mokhtar berkata, hanya lokasi tertentu, terutama kawasan laluan botakan dilaksanakan kerja mencabut pokok mati dalam tasik itu, asalkan tidak menjejaskan keindahan semula jadi Tasik Kenyir.

(END)